

EDUCATION MALAYSIA: SIRI JELAJAH INDONESIA 2011



Dalam usaha mempromosikan pendidikan Negara, UMS tidak terkecuali mengikuti Program Siri Jelajah Indonesia Edisi ke 2 yang dianjurkan oleh Kedutaan Malaysia di Indonesia bagi memberi peluang kepada calon pelajar khususnya dari Indonesia bagi memperkenalkan program pengajian yang ditawarkan oleh universiti di Malaysia. UMS diwakili oleh Dekan Sekolah Sains Makanan & Pemakanan, Prof.Madya Dr.Shariffuddin Sharani, Timb. Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah, Dr.Hj.Amran Harun, serta pensyarah SPE, Dr.Masyhuri Hamidi dan Penolong Pendaftar Pasca, En.Azlan. Pameran yang berlangsung pada 11-13 Okt 2011 mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung yang menyatakan minat untuk menyambung pengajian di UMS.